

06/09/2002

SPR beri tempoh hingga Isnin

KUALA LUMPUR, Khamis - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini mengumumkan bahawa sebarang pendapat atau cadangan balas berhubung syor persempadanan semula bahagian pilihan raya tidak akan diterima lagi selepas jam 4 petang Isnin ini.

Setiausaha SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, dalam satu kenyataan hari ini, memaklumkan bahawa semua pihak yang berkaitan dan layak mengikut undang-undang untuk memberi pendapat atau membuat cadangan balas, boleh melakukannya sebelum tarikh berkenaan kepada ibu pejabat SPR atau pejabat Pilihan Raya Negeri di seluruh negara.

Difahamkan, kerusi baru Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), masing-masing berjumlah 25 dan 59 di bawah cadangan persempadanan semula kawasan pilihan raya, hanya diguna pakai jika pilihan raya umum akan datang diadakan selepas Mei atau Jun tahun depan iaitu selepas prosesewartakan kawasan baru pilihan raya itu dijangka selesai.

Tambahan kerusi baru itu dipamerkan kepada orang ramai mulai 8 Ogos lalu selama sebulan, berakhir 9 September ini pada jam 4 petang.

Dengan penambahan itu, jumlah kerusi Parlimen meningkat kepada 219 daripada 194 sekarang, manakala kerusi DUN meningkat kepada 563 daripada 504 sekarang.

Cadangan tambahan kerusi itu dipamer di seluruh negara selama sebulan dan pihak terbabit seperti kerajaan tempatan, kerajaan negeri, kerajaan pusat serta pemilih berdaftar boleh membuat bantahan terhadap cadangan persempadanan itu dalam tempoh itu.

Siasatan awam akan dilakukan mulai bulan depan sehingga akhir Oktober jika bantahan diterima daripada pihak terbabit seperti kerajaan tempatan, kerajaan negeri, kerajaan pusat dan jika individu sekurang-kurangnya 100 pemilih berdaftar.

Sekiranya tiada bantahan, laporan itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk dibentangkan di Parlimen bersama deraf perintah mengikut Seksyen 12, Jadual ke-13 Perlembagaan Persekutuan.